



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
BAHAGIAN HAB HALAL**

---

**PEKELILING PENSIJILAN HALAL MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2016**

---

**LARANGAN PENGGUNAAN AYAT *RUQYAH* (AYAT AL-QURAN)  
DALAM PENSIJILAN HALAL MALAYSIA**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai larangan menggunakan sebarang ayat *ruqyah* (ayat al-quran) pada produk yang membuat permohonan pengesahan halal dalam pensijilan halal Malaysia.

**LATARBELAKANG**

2. Produk berasaskan "makanan sunnah", atau makanan dan minuman yang dibacakan ayat-ayat al-Qur'an atau *diruqyahkan* seringkali disebut sebagai makanan terbaik. Selain itu, terdapat juga produk yang dikeluarkan menggunakan air *zam-zam* sebagai ramuan campuran. Namun demikian, air *zam-zam* yang dijadikan ramuan campuran adalah dalam kuantiti yang amat sedikit. Produk tersebut kemudiannya dilabelkan dengan pernyataan air *zam-zam* sebagai ramuan.
3. Produk-produk tersebut sering kali menjadi pelan pemasaran kepada sesetengah pengusaha. Ia menjadi perhatian dan kaedah untuk melariskan produk mereka. Apa yang dirisaukan adalah berkemungkinan besar berlaku penipuan ke atas orang ramai dengan menggunakan alasan produk tersebut akan menjadi lebih berkat dan berkesan kerana dibacakan ayat al-Quran dan zikir/ doa tertentu.
4. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke- 108 yang bersidang pada 2-3 November 2015 turut telah membincangkan mengenai hukum penjualan produk menggunakan ayat *ruqyah* untuk tujuan komersial. Di antara keputusan penting yang telah diputuskan oleh

Jawatankuasa tersebut adalah penggunaan ayat *ruqyah* pada sesuatu produk bagi tujuan komersial tidak dibenarkan samada pada pelabelan, pengiklanan atau promosi.

## PELAKSANAAN

5. Pensijilan halal Malaysia dilaksanakan berdasarkan kepada prosedur, standard, keputusan fatwa dan peraturan-peraturan berkaitan yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkaitan larangan penggunaan ayat *ruqyah* pada produk bagi tujuan komersial turut terpakai dalam proses pensijilan halal Malaysia.

6. Oleh yang demikian, semua syarikat/ pemohon Siji Pengesahan Halal Malaysia hendaklah memastikan produk yang dimohon pengesahan halal tidak menggunakan ayat *ruqyah*, 'makanan sunnah' dan seumpamanya pada pelabelan, pengiklanan atau promosi.

## TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **15 Februari 2016** dan semua syarikat/ pemohon pensijilan halal Malaysia perlu mematuhi dan mengambil maklum berkenaan pelaksanaan pekelling ini.

8. Pekeliling ini diterbitkan berdasarkan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.



**(DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA)**

Ketua Pengarah,

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,

4 Februari 2016